



# **JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**

## **PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PENOLONG JURUTERA 2017 *ELEKTRIK***

**KOD : PJE03**

**SUBJEK : TEKNOLOGI ELEKTRIK II  
(Aplikasi)**

**TARIKH : 21 MAC 2017**

**MASA : 9.00 PAGI – 12.00 TGH**

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN  
SEHINGGA DIARAHKAN**

**PERKARA : PTE03 – TEKNOLOGI ELEKTRIK II (APLIKASI)**


**ARAHAN KEPADA CALON**

*Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.  
Jawab mana-mana lima (5) soalan sahaja.*

**Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.**

**SOALAN 1**

- a) Sistem pendawaian sesalur bawah lantai kebanyakannya digunakan di bangunan-bangunan pejabat. Sebelum lantai disimen, sesalur akan dipasang di bawah lantai untuk membawa pengalir litar kuasa, litar telefon, sistem signal dan lain-lain. Sistem ini dipasang seperti sistem grid dalam sesbuah bangunan.



**Gambar rajah S1(a): Sistem Pendawaian Sesalur**

- i) Nyatakan **tiga (3)** ciri pemilihan kaedah pemasangan sesalur.

*(6 markah)*

- ii) Nyatakan **tiga (3)** kebaikan sistem pendawaian sesalur.

*(6 markah)*

**SOALAN 1 (sambungan)**

- b) Spesifikasi JKR L-S1 : 2011 telah menggariskan ketinggian pemasangan peralatan dari aras lantai. Nyatakan ketinggian pemasangan peralatan berikut :
- i) Suis dan *regulator*
  - ii) *Point* bagi *Isolator*
  - iii) *Point* bagi *Water Heater*
  - iv) Soket alur keluar pendawaian permukaan

(4 markah)

- c) Pekeliling Cawangan Kejuruteraan Elektrik JKR telah menggariskan penyelarasan penggunaan konduit *GI* dan *Rigid High Impact PVC Conduit* dan *Conduit Fitting* (Konduit *UPVC*) di mana semua pendawaian elektrik mestilah menggunakan Konduit *GI* sahaja. Walaubagaimanapun penggunaan konduit *UPVC* bagi pendawaian elektrik adalah dibenarkan jika terdapat keperluan-keperluan tertentu. Nyatakan dua (2) keperluan tersebut.

(4 markah)

**SOALAN 2**

- a) Keamatan berkilau ialah kekuatan cahaya yang keluar dari satu sumber cahaya pada suatu arah yang tertentu. Berikan perbezaan di antara kecerahan dan silau.
- (4 markah)
- b) Faktor Pendaraban Pengguna (*Cu*) menganggap bahawa cahaya yang dikeluarkan oleh sesuatu lampu itu tidak sepenuhnya sampai ke satah kerja. Cahaya lampu itu akan dihalang oleh peralatan lampu dan diserap oleh dinding, siling dan sebagainya. Nyatakan tiga (3) faktor yang mempengaruhi Faktor Pendaraban Pengguna.

(6 markah)

**SOALAN 2 (sambungan)**

- c) Dalam mereka bentuk susunatur lampu sebuah pejabat berukuran 12m (P) dan 6m (L) dengan tahap pencahayaan 500 lux menggunakan 2 x 36W (F) recessed luminaire c/w aluminium louvres, maklumat berikut diberikan :

Tinggi siling = 3m

Tinggi satah kerja = 0.85m

Lumen lampu 36W (F) = 2650

Faktor Pendaraban Pengguna = 0.58

Faktor Penyenggaraan = 0.8

Faktor Kepelbagaian = 0.95

Tunjukkan pengiraan bagi:

i) Indeks bilik

ii) Bilangan fitting lampu yang diperlukan bagi bilik tersebut.

(10 markah)

**SOALAN 3**

- a) Berikan tiga (3) jenis papan suis seperti yang dinyatakan dalam spesifikasi JKR L-S1 : 2011.

(6 markah)

- b) Busbar di dalam papan suis perlu memenuhi piawaian BS EN 13601 dan mampu membawa arus kadaran yang berterusan tanpa pemanasan. Berapakah arus maksimum yang boleh dibawa oleh busbar yang bersaiz 20mm x 120mm?

(2 markah)

- c) Busduct mempunyai fungsi yang sama dengan riser dan secara lazimnya ia dipasang secara mendatar. Nyatakan tiga (3) kebaikan busduct dalam sistem pemasangan elektrik.

(6 markah)

**SOALAN 3 (sambungan)**


- d) Pemasangan elektrik adalah perlu mematuhi spesifikasi JKR L-S1 : 2011, akta bekalan elektrik dan juga Peraturan-peraturan elektrik yang terkini. Merujuk kepada gambarajah di bawah, sila nyatakan kesalahan pada pemasangan tersebut.

| No  | Gambarajah   | Kesalahan |
|-----|--|-----------|
| i)  |   |           |
| ii) |  |           |

(6 markah)

SOALAN 4


- a) Litar elektrik adalah satu susunan pengalir yang bertujuan untuk membawa arus. Sila nyatakan apakah yang dimaksudkan dengan :
- Litar Gelang
  - Litar Jejari
- (6 markah)
- b) Lengkapkan gambar rajah pemasangan bagi litar jejari dan gelang di bawah dan nyatakan saiz serta jenis kabel yang digunakan.



i) Gambar rajah 4.1 (Litar Jejari)

(5 markah)

**SOALAN 4 (sambungan)**



**ii) Gambar rajah 4.2 (Litar Gelang)**

*(5 markah)*

- c) Nyatakan dua (2) tempat kawalan lampu yang biasa menggunakan suis dua hala.

*(4 markah)*

SOALAN 5


- a) Faktor Pendaraban Pengguna, ( $\mu$  atau  $C_u$ ) menganggap bahawa cahaya yang dikeluarkan oleh sesebuah lampu itu tidak sepenuhnya akan sampai ke satah kerja. Berikan tiga (3) faktor yang mempengaruhi nilai Faktor Pendaraban Pengguna.

(6 markah)

- b) Kesan stroboskop ialah satu kesan yang menyebabkan lampu-lampu nyahcas menyala dan padam berterusan mengikut frekuensi voltan bekalan. Berikan dua (2) cara mengatasi kesan ini.

(4 markah)

- c) Gambar rajah di bawah menunjukkan litar akhir B untuk satu pemasangan lampu jalan dari pepeti penyuap (feeder pillar) dengan suis utama 60A. Lampu yang digunakan ialah  $2 \times 400W$  dan kehilangan ballast bersamaan 40W. Pemasangan ini menggunakan kabel 4C  $25mm^2$  XLPE/SWA/PVC (Al) dan susutan voltan kabel,  $v_d$  2.7 mV/A/m. Faktor kuasa ialah 0.85. Tunjukkan dengan jelas pengiraan susutan voltan untuk litar tersebut dan nyatakan jumlah susutan voltannya.



(10 markah)

SOALAN 6

- a) Sistem pembumian merupakan satu faktor penting untuk memastikan perlindungan keselamatan dalam sistem pendawaian. Sistem pembumian hendaklah dipilih mengikut kesesuaian lokasi tempat dan tanah persekitaran.

- i) Terangkan maksud pembumian.

(4 markah)

**SOALAN 6 (sambungan)**

ii) Nyatakan **dua (2)** tujuan sistem pepasangan elektrik dibumikan.

(4 markah)

iii) Nyatakan **dua (2)** jenis sistem pembumian di Malaysia.

(2 markah)

b) Peranti Pemutus Litar Bocor Bumi (*RCCB*) adalah alat yang memberi perlindungan kepada pepasangan elektrik berkenaan apabila berlaku arus bocor bumi berlebihan. Sehubungan itu, pemilihan *RCCB* mengikut kepekaan kadar arus bocor ke bumi perlu bersesuaian dengan beban dan litar pepasangan. Nyatakan penggunaan / beban / lokasi yang bersesuaian dengan saiz kepekaan *RCCB* berikut:

i) Kepekaan *RCCB* 10mA

ii) Kepekaan *RCCB* 30 mA

iii) Kepekaan *RCCB* 100mA

(6 markah)

c) Nyatakan **dua (2)** cara yang boleh membantu merendahkan bacaan rintangan elektrik bumi yang tinggi.

(4 markah)

**SOALAN 7**

a) Pemeriksaan dan pengujian adalah satu elemen penting dalam sesebuah pemasangan elektrik. Nyatakan **tiga (3)** ujian yang perlu dilaksanakan sebelum bekalan elektrik disambung.


(6 markah)

**SOALAN 7 (sambungan)**


- b) Ujian-ujian yang dicadangkan untuk sesebuah pemasangan elektrik mestilah dilakukan mengikut turutan yang betul. Mengapakah ujian-ujian pemasangan ini perlu dilakukan secara berturutan?

(4 markah)

- c) Pemasangan konduit dan sesalur adalah perkara asas dalam sesebuah pendawaian elektrik. Nyatakan faktor ruang yang terlibat dalam pemasangan di bawah:



i) Konduit



ii) Sesalur

(4 markah)

- d) Ujian pemutus litar arus baki dijalankan bagi memastikan sama ada pemutus litar itu berfungsi apabila berlaku arus bocor ke bumi. Terangkan langkah-langkah untuk melakukan ujian tersebut.

(6 markah)

**SOALAN 8**

- a) Nyatakan **empat (4)** kriteria pemilihan lokasi bilik-bilik elektrik seperti Bilik Suis Utama dan Pencawang Elektrik.

(4 markah)

- b) Terangkan maksud tarif Tenaga Nasional Berhad (TNB) berikut:

- i) Tarif A
- ii) Tarif B
- iii) Tarif C1

(6 markah)

**SOALAN 8 (sambungan)**

- c) Sebuah rumah teres menggunakan beban dan tempoh penggunaan seperti berikut:

| <u>Beban</u>              | <u>Tempoh (jam sehari)</u> |
|---------------------------|----------------------------|
| 8 x 36 W lampu pendaflour | 12 jam                     |
| 2 x 1.5 kW pemanas air    | 1 jam                      |
| 1 x 1.5 kW penyaman udara | 6 jam                      |
| 1 x 1 kW peti sejuk       | 24 jam                     |

Kadar Seunit


|                     |          |
|---------------------|----------|
| 200 unit pertama    | 21.8 sen |
| 100 unit seterusnya | 33.4 sen |
| 100 unit seterusnya | 51.6 sen |

Berdasarkan tarif di atas, kirakan jumlah yang perlu dibayar oleh pengguna ini bagi tempoh 10 hari.

(10 markah)

**SOALAN 9**

- a) Lengkapkan label (a), (b), (c), (d) dan (e) dalam gambar rajah Sistem Perlindungan Kilat bagi bangunan di bawah.



(10 markah)

**SOALAN 9 (sambungan)**

- b) Apabila Sistem Perlindungan Kilat bagi sesuatu pepasangan siap, kontraktor perlu menguji sistem tersebut. Berikan **tiga (3)** ujian tersebut.

(6 markah)

- c) Semasa Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP), kontraktor perlu melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan bagi Sistem Perlindungan Kilat. Berikan **dua (2)** kerja tersebut berdasarkan Spesifikasi L-S9 Cawangan Kejuruteraan Elektrik, JKR.

(4 markah)

**SOALAN 10**

- a) Pembuluh boleh lentur dibuat daripada keluli galvani bertolok ringan. Sambungan pembuluh ini kepada pembuluh biasa dibuat melalui penyesuai. Berikan **tiga (3)** kebaikan pemasangan pembuluh ini.


(6 markah)

- b) Dalam sesebuah pendawaian elektrik, faktor ruang perlu diambil perhatian. Apakah yang dimaksudkan dengan faktor ruang? Nyatakan faktor ruang bagi pemasangan dalam konduit dan sesalur (*trunking*)..

(6 markah)

**SOALAN 10 (sambungan)**

- c) Berdasarkan gambar rajah di bawah, kirakan saiz kabel dan susutan voltan daripada SSB Z ke DB A. Rujuk **Table 4D1A** dan **4D1B** untuk jadual kabel.



$$TCL = 15.49\text{kW} (25.35\text{A})$$

$$MD = 12.39\text{kW} (22.28\text{A})$$

Saiz MCCB = 40A TPN

$$TCL = 127.76\text{kW} (209.0\text{A})$$

$$MD = 83.76\text{kW} (137.09\text{A})$$

Saiz MCCB = 250A TPN

(8 markah)

\*\*\*\*\*

# COPPER CONDUCTORS

TABLE 4D1A – Single-core 70 °C thermoplastic insulated cables, non-armoured,  
with or without sheath  
(COPPER CONDUCTORS)

## CURRENT-CARRYING CAPACITY (amperes):

| Conductor cross-sectional area (mm <sup>2</sup> ) | Conductor operating temperature: 70 °C  |  |   |   |   |  | Ambient temperature: 30 °C                |                                       |                                       |   |                                       |                        |
|---|---|--|---|---|---|--|---|---------------------------------------|---------------------------------------|---|---------------------------------------|------------------------|
|   | Reference Method A<br>(enclosed in conduit in thermally insulating wall etc.) |  |   | Reference Method B<br>(enclosed in conduit on a wall or in trunking etc.) |   |  | Reference Method C<br>(clipped direct)    |                                       |                                       | Conductor operating temperature: 70 °C    |                                       |                        |
|   | 2 cables.<br>single-phase<br>a.c. or d.c.                                     | 3 or 4<br>cables.<br>three-phase<br>a.c. or d.c. | 2 cables.<br>single-phase<br>a.c. or d.c. | 3 or 4<br>cables.<br>three-phase<br>a.c. or d.c.                          | 2 cables.<br>single-phase<br>a.c. or d.c. | 3 or 4<br>cables.<br>three-phase<br>a.c. or d.c. | 2 cables.<br>single-phase<br>a.c. or d.c. | 3 cables.<br>three-phase<br>a.c. flat | 3 cables.<br>three-phase<br>a.c. flat | 2 cables.<br>single-phase<br>a.c. or d.c. | 3 cables.<br>three-phase<br>a.c. flat | Spaced by one diameter |
| 1   | 2   | 3  | 4   | 5   | 6   | 7  | 8   | 9                                     | 10                                    | 11  | 12                                    | (A)                    |
| 1   | 11  | 10.5   | 13.5                                      | 12  | 15.5                                      | 14   | (A)                                       | (A)                                   | (A)                                   | (A)                                       | (A)                                   | (A)                    |
| 1.5   | 14.5  | 13.5   | 17.5                                      | 15.5  | 20  | 18   | (A)                                       | (A)                                   | (A)                                   | (A)                                       | (A)                                   | (A)                    |
| 2.5   | 20  | 18   | 24  | 21  | 27  | 25   | (A)                                       | (A)                                   | (A)                                   | (A)                                       | (A)                                   | (A)                    |
| 4   | 26  | 24   | 32  | 28  | 37  | 33   | (A)                                       | (A)                                   | (A)                                   | (A)                                       | (A)                                   | (A)                    |
| 6   | 34  | 31   | 41  | 36  | 47  | 43   | (A)                                       | (A)                                   | (A)                                   | (A)                                       | (A)                                   | (A)                    |
| 10  | 46  | 42   | 57  | 50  | 65  | 59   | (A)                                       | (A)                                   | (A)                                   | (A)                                       | (A)                                   | (A)                    |
| 16  | 61  | 56   | 76  | 68  | 87  | 79   | (A)                                       | (A)                                   | (A)                                   | (A)                                       | (A)                                   | (A)                    |
| 25  | 80  | 73   | 101                                       | 89  | 114                                       | 104  | (A)                                       | (A)                                   | (A)                                   | (A)                                       | (A)                                   | (A)                    |
| 35  | 99  | 89   | 125                                       | 110   | 141                                       | 129  | 162                                       | 143                                   | 137                                   | 131                                       | 146                                   | 130                    |
| 50  | 119   | 108  | 151                                       | 134   | 182                                       | 167  | 196                                       | 174                                   | 167                                   | 151                                       | 181                                   | 162                    |
| 70  | 151   | 136  | 192                                       | 171   | 234                                       | 214  | 251                                       | 225                                   | 216                                   | 201                                       | 219                                   | 197                    |
| 95  | 182   | 164  | 232                                       | 207   | 284                                       | 261  | 304                                       | 275                                   | 264                                   | 241                                       | 281                                   | 254                    |
| 120   | 210   | 188  | 269                                       | 239   | 330                                       | 303  | 352                                       | 321                                   | 308                                   | 286                                       | 396                                   | 362                    |
| 150   | 240   | 216  | 300                                       | 262   | 381                                       | 349  | 406                                       | 372                                   | 356                                   | 321                                       | 456                                   | 419                    |
| 185   | 273   | 245  | 341                                       | 296   | 436                                       | 400  | 463                                       | 427                                   | 409                                   | 371                                       | 480                                   | 430                    |
| 240   | 321   | 286  | 400                                       | 346   | 515                                       | 472  | 546                                       | 507                                   | 485                                   | 445                                       | 569                                   | 510                    |
| 300   | 367   | 328  | 458                                       | 394   | 594                                       | 545  | 629                                       | 587                                   | 561                                   | 509                                       | 659                                   | 599                    |
| 400   | -   | -  | 546                                       | 467   | 694                                       | 634  | 754                                       | 689                                   | 656                                   | 552                                       | 852                                   | 795                    |
| 500   | -   | -  | 626                                       | 533   | 792                                       | 723  | 868                                       | 789                                   | 749                                   | 682                                       | 920                                   | 850                    |
| 630   | -   | -  | 720                                       | 611   | 904                                       | 826  | 1005                                      | 905                                   | 855                                   | 788                                       | 1070                                  | 980                    |
| 800   | -   | -  | -   | -   | 1030                                      | 943  | 1086                                      | 1020                                  | 971                                   | 896                                       | 1265                                  | 1188                   |
| 1000  | -   | -  | -   | -   | 1154                                      | 1058   | 1216                                      | 1149                                  | 1079                                  | 1020                                      | 1420                                  | 1337                   |

VOLTAGE DROP (per ampere per metre):

TABLE 4D1B

Conductor operating temperature: 70 °C

| Conductor cross-sectional area<br>(mm <sup>2</sup> ) | Cables d.c.<br>Reference Methods A & B<br>(enclosed in conduit or trunking) | 2 cables, single-phase a.c.   |          |   | 3 or 4 cables, three-phase a.c.                                     |          |  | Conductor operating temperature: 70 °C |   |          |
|--|---|---|----------|---|---|----------|--|--|---|----------|
|  |   | Reference Methods C & F<br>(clipped direct, on tray or in free air) |          | Reference Methods A & B<br>(clipped direct, on tray or in free air) | Reference Methods C & F<br>(clipped direct, on tray or in free air) |          | Reference Methods A & B<br>(enclosed in conduit or trunking) |  | Reference Methods C & F<br>(clipped direct, on tray or in free air) |          |
|  |   | 2   | 3        | 4   | 5   | 6        | 7  | 8                                      | 9   |          |
| (mV/A/m)   | (mV/A/m)  | (mV/A/m)  | (mV/A/m) | (mV/A/m)  | (mV/A/m)  | (mV/A/m) | (mV/A/m)   | (mV/A/m)                               | (mV/A/m)  | (mV/A/m) |
| 1  | 1.44  | 44  | 44       | 44  | 44  | 38       | 38   | 38                                     | 38  | 38       |
| 1.5  | 1.29  | 29  | 29       | 29  | 29  | 25       | 25   | 25                                     | 25  | 25       |
| 2.5  | 1.18  | 18  | 18       | 18  | 18  | 15       | 15   | 15                                     | 15  | 15       |
| 4  | 1.11  | 11  | 11       | 11  | 11  | 9.5      | 9.5  | 9.5                                    | 9.5   | 9.5      |
| 6  | 0.73  | 7.3   | 7.3      | 7.3   | 7.3   | 6.4      | 6.4  | 6.4                                    | 6.4   | 6.4      |
| 10   | 0.44  | 4.4   | 4.4      | 4.4   | 4.4   | 3.8      | 3.8  | 3.8                                    | 3.8   | 3.8      |
| 16   | 0.28  | 2.8   | 2.8      | 2.8   | 2.8   | 2.4      | 2.4  | 2.4                                    | 2.4   | 2.4      |
| 25   | 1.75  | 1.80  | 1.80     | 1.75  | 1.75  | 1.50     | 1.50   | 1.50                                   | 1.50  | 1.50     |
| 35   | 1.25  | 1.30  | 1.30     | 1.25  | 1.25  | 1.25     | 1.27   | 1.27                                   | 1.27  | 1.27     |
| 50   | 0.93  | 0.95  | 0.95     | 1.00  | 0.93  | 0.93     | 0.97   | 0.97                                   | 0.97  | 0.97     |
| 70   | 0.63  | 0.65  | 0.65     | 0.72  | 0.63  | 0.63     | 0.69   | 0.69                                   | 0.69  | 0.69     |
| 95   | 0.46  | 0.49  | 0.49     | 0.56  | 0.47  | 0.47     | 0.54   | 0.54                                   | 0.54  | 0.54     |
| 120  | 0.36  | 0.39  | 0.27     | 0.47  | 0.37  | 0.175    | 0.41   | 0.33                                   | 0.23  | 0.41     |
| 150  | 0.29  | 0.31  | 0.27     | 0.41  | 0.30  | 0.175    | 0.34   | 0.27                                   | 0.23  | 0.36     |
| 185  | 0.23  | 0.25  | 0.27     | 0.37  | 0.24  | 0.170    | 0.29   | 0.22                                   | 0.21  | 0.32     |
| 240  | 0.180   | 0.195   | 0.26     | 0.33  | 0.185   | 0.165    | 0.25   | 0.21                                   | 0.145   | 0.26     |
| 300  | 0.145   | 0.160   | 0.26     | 0.31  | 0.150   | 0.165    | 0.22   | 0.23                                   | 0.160   | 0.22     |
| 400  | 0.105   | 0.130   | 0.26     | 0.29  | 0.120   | 0.160    | 0.20   | 0.115                                  | 0.140   | 0.175    |
| 500  | 0.086   | 0.110   | 0.26     | 0.28  | 0.098   | 0.155    | 0.185  | 0.093                                  | 0.125   | 0.160    |
| 630  | 0.068   | 0.094   | 0.25     | 0.27  | 0.081   | 0.155    | 0.175  | 0.076                                  | 0.135   | 0.150    |
| 800  | 0.053   | -   | -        | -   | 0.068   | 0.150    | 0.165  | 0.061                                  | 0.145   | 0.160    |
| 1000   | 0.042   | -   | -        | -   | 0.059   | 0.150    | 0.160  | 0.050                                  | 0.140   | 0.160    |

NOTE: \* Spacings larger than one cable diameter will result in a larger voltage drop.